

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]

SOALAN : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk
mewujudkan satu pangkalan data khas untuk mengkaji taraf
sosioekonomi khususnya dari segi isi rumah nelayan yang
memperolehi pendapatan di bawah garis kemiskinan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mempunyai satu pangkalan data khas yang khusus untuk mengkaji taraf sosioekonomi nelayan iaitu Bancian Sosio Ekonomi Nelayan (SENDI) yang dijalankan secara berkala. Bancian yang terakhir ini dijalankan pada tahun 2008 dan bancian seterusnya dijangka akan dijalankan pada tahun 2015. Bancian ini merangkumi aspek sosioekonomi nelayan secara keseluruhannya serta meliputi ketua isi rumah nelayan yang memperolehi pendapatan di bawah paras garis kemiskinan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM
[KUALA SELANGOR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peminjam tegar yang direkodkan PTPTN dan adakah PTPTN bercadang menghapuskan kaedah menyenarai hitam peminjam dan seterusnya mencari mekanisme lain untuk menjelaki peminjam yang ingkar dan tegar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Seramai 1.4 juta peminjam yang patut mula membayar balik sehingga 31 Disember 2013, dan daripada jumlah tersebut seramai 927,295 (65.82%) peminjam telah membuat bayaran balik dan selebihnya seramai 481,447 (34.18%) belum pernah membuat bayaran balik. Daripada jumlah tersebut, seramai 183,486 (19.47%) peminjam dikategorikan sebagai peminjam tegar kerana tidak pernah membuat bayaran balik sejak dari tahun 1998 sehingga tahun 2010.

Pada masa ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih kekal dengan kaedah dan mekanisme sedia ada. Sungguhpun demikian, Kementerian sentiasa prihatin dengan kebijakan pelajar dan rakyat. Justeru, dari semasa ke semasa KPM akan mengkaji semula dan menambah baik dasar dan kaedah sedia ada berdasarkan keperluan semasa.